

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI REEZAL MERICAN
BIN NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]**

**TARIKH JAWAPAN : 18 MAC 2015 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN :

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengenai masa hadapan penggunaan teknologi nuklear di Malaysia. Apakah hala tuju sebenar negara dalam kemungkinan nuklear sebagai sumber tenaga alternatif masa hadapan

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah mengenal pasti bahawa tenaga nuklear mempunyai potensi sebagai salah satu sumber penjanaan tenaga elektrik pada masa hadapan. Dalam hal ini, penggunaan tenaga nuklear dapat mempelbagaikan campuran bahan api untuk meningkatkan keselamatan pembekalan tenaga atau *security of supply*, dengan izin. Di samping itu, tenaga nuklear merupakan tenaga bersih di mana penggunaannya tidak melepaskan Gas Rumah Kaca berbanding teknologi konvensional yang menggunakan arang batu dan minyak.

2. Dalam usaha untuk memantapkan ketersediaan negara dalam membuat keputusan yang tepat berasaskan maklumat dan fakta terkini, Kerajaan telah menubuhkan Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC) yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi melaksanakan kajian-kajian kesediaan negara dalam penggunaan tenaga nuklear untuk penjanaan tenaga elektrik, selaras dengan garis panduan *International Atomic Energy Agency* (IAEA). Kerajaan akan memuktamadkan keputusan untuk menggunakan tenaga nuklear bagi

menjana tenaga elektrik selepas menilai hasil kajian MNPC dan juga mengambil kira akan pandangan serta penerimaan rakyat dalam hal ini.
